

# KENYATAAN AKHBAR

*Untuk siaran segera*

## INSIDEN BANGUNAN RUNTUH DI MELAKA: CIDB KELUARKAN ARAHAN PEMBERHENTIAN KERJA SERTA MERTA

*Kes akan disiasat di bawah Seksyen 34D, Akta 520, iaitu kematian yang disebabkan oleh pelanggaran kewajipan oleh kontraktor*

**MELAKA, 13 Oktober 2024:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mengeluarkan notis pemberhentian kerja serta-merta berikutan kejadian runtuh struktur utama bangunan yang sedang dalam pembinaan di daerah Melaka Tengah di sini semalam.

Pasukan penguatkuasaan CIDB Negeri Melaka telah turun ke lokasi runtuh berlaku pada 10 pagi 12 Oktober untuk membuat siasatan. Siasatan awalan CIDB mendapati kontraktor utama projek pembinaan tersebut mempunyai pendaftaran yang sah di bawah CIDB, namun ketiga-tiga pekerja binaan warga asing yang terbabit dengan insiden tersebut, termasuk yang meninggal dunia, tidak mempunyai perakuan pendaftaran personel binaan atau akreditasi pekerja dari CIDB.

Menurut Pengarah CIDB Melaka, Mohd Rizal Norman, pihaknya sedang mendapatkan maklumat terperinci berhubung kes tersebut bagi membantu siasatan. Oleh kerana kes keruntuhan tersebut menyebabkan kematian, kes ini akan disiasat di bawah Seksyen

34D, Akta 520, iaitu kematian yang disebabkan oleh pelanggaran kewajipan oleh kontraktor. Sekiranya sabit kesalahan, kontraktor terbabit boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Di dalam kes tersebut yang berlaku pada 11 Oktober 2024, jam 6.15 petang, struktur utama bangunan runtuh semasa dalam pembinaan dan telah menyebabkan kematian seorang pekerja warga Bangladesh, manakala dua pekerja warga Pakistan cedera parah.

Untuk maklumat lanjut sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---